MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL 2/2016
JABATAN TENAGA MANUSIA

Tarikh	**:**	**1 – 2 September 2016**
Masa	**:**	**8.00 pagi – 5.00 petang**
Tempat	**:**	**Bilik Mesyuarat, ILP Kuala Lumpur**
Pengerusi	**:**	**Timbalan Ketua Pengarah**
Kehadiran	**:**	**Seperti di Lampiran A**

1.0 PERUTUSAN PENGERUSI

1.1 Pengerusi memulakan salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat ini. Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan (MJPP) Bil 2/2016 ini bertujuan untuk mengesahkan keputusan akhir pelajar sesi keluaran 1/2016 dan akan dipersijilkan dalam Majlis Konvokesyen ILJTM tahun 2017 yang dicadangkan pada sesi 1/2017.

Makluman

1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa semua ILJTM telah mempunyai keluaran pelajar dan Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan Bil 2/2016 kali ini akan melibatkan pembentangan keputusan pelajar oleh kesemua 32 ILJTM.

Makluman

1.3 Pengerusi mengingatkan bahawa **tindakan rayuan akademik pelajar perlu disegerakan bagi mengelakkan pelajar terpaksa menunggu dan terlepas latihan dalam tempoh yang lama. Sebarang urusan rayuan perlu diselesaikan dalam masa satu bulan dari tarikh rayuan dibuat.**

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan dan P(KT)

1.4 Pengerusi memaklumkan taklimat oleh wakil CIDB akan diadakan pada penghujung mesyuarat bagi menerangkan berkaitan Penguatkuasaan Akta 520 Pindaan 2011.

Makluman

1.5 Pengerusi memaklumkan mesyuarat Think Tank yang diadakan pada 4 hingga 5 Februari 2016 yang lalu telah memutuskan agar **Jawatankuasa Kepakaran bagi 4 bidang berikut akan digabungkan dengan CoSE bagi memastikan hala tuju dan aktiviti-aktiviti berkaitan bidang masing-masing:**

a) Teknologi Automotif (ADTEC Melaka)
b) Teknologi Kimpalan (ADTEC Batu Pahat)
c) Teknologi Elektrik (ADTEC Shah Alam)
d) Teknologi Pembuatan (JMTI)

Makluman

1.6 Pengerusi memaklumkan CoSE juga perlu bertanggungjawab dengan semua pengajar dari program yang sama di institut yang lain.

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

1.7 Pengerusi mengingatkan agar **CESS di setiap ILJTM menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menyediakan laluan kerjaya dan hala tuju pekerjaan kepada pelajar-pelajar ILJTM serta memastikan KPI Menteri tercapai.**

Tindakan: Semua P(ILJTM)

1.8 Pengerusi memaklumkan bahawa sistem e-TOS JTM telah dijadikan kajian kes dalam TVET dan dijadikan rujukan dalam membuat keputusan. Pengerusi juga memaklumkan bahawa sistem ini telah mendapat lebih daripada 95 peratus respondan.

Makluman

1.9 Pengerusi mencadangkan agar **skala gaji dalam sistem e-TOS dikaji semula bagi memenuhi kajian pasaran gaji minima.** Pengerusi memaklumkan pihak kementerian telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan buku panduan berkaitan gaji minima mengikut tahap kemahiran pelajar.

Pengerusi juga menyarankan agar pegawai **CESS memberi panduan kepada pelajar untuk bekerja di syarikat yang menawarkan gaji yang lebih baik mengikut pasaran semasa kerana masih terdapat syarikat yang menawarkan gaji yang sangat rendah**. Gaji minimum untuk lepasan SKM3 ialah sebanyak RM1500 dan RM2000 bagi lepasan DKM.

Tindakan: P(PP) dan Semua P(ILJTM)

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 1/2016

2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 1/2016 disahkan tanpa pindaan.

Makluman

3.0 MAKLUMBALAS CATATAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BILANGAN 1/2016

3.1 PP(KT) membentangkan catatan minit mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan bilangan 1/2016 seperti di **Lampiran 1.**

Makluman

3.2 Mesyuarat dimaklumkan tiada permohonan pengecualian kelulusan pengiklanan kepada Ketua Pengarah JPK dibuat memandangkan tiada peruntukan bagi iklan kemasukan pada tahun ini. Mesyuarat juga dimaklumkan tiada memo/surat berkaitan perkara ini diedarkan ke ILJTM.

Makluman

3.3 Mesyuarat **dimaklumkan surat bantahan kepada JPK berkaitan beberapa panel yang dilantik oleh jabatan tersebut bagi proses pentauliahan program tidak dapat dihantar** kerana tiada maklumat terperinci diberikan oleh ILJTM yang terlibat. Pengerusi mengarahkan agar **ILJTM yang berkenaan menghantar maklumat tersebut secara bertulis bagi tindakan selanjutnya diambil.**

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

3.4 P(ILP Miri) memaklumkan telah **memohon untuk melaksanakan program Tahap 4 bagi kursus Teknologi Telekomunikasi dan Teknologi Komputer (Rangkaian) tetapi telah ditolak** sedangkan kursus tersebut tidak ditawarkan di ADTEC Bintulu. **P(ILP Miri) memohon mesyuarat untuk mempertimbangkan permohonan tersebut. Pengerusi memaklumkan perkara ini akan dikaji semula dan dibincangkan kemudian.**

Tindakan: P(KT)

4.0 PEMBENTANGAN STATISTIK PELAJAR BERHENTI, TANGGUH DAN GAGAL BAGI KELUARAN SESI 1/2016

4.1 KPP(KT) membentangkan Statistik Pelajar Berhenti, Tangguh dan Gagal bagi sesi keluaran 1/2016 seperti di **Lampiran 2**.

Makluman

4.2 Pengerusi mencadangkan agar kajian perbandingan dibuat dengan ILKA yang lain berkaitan statistik pelajar Berhenti, Tangguh dan Gagal. Namun P(PL) memaklumkan institusi lain tidak akan memberikan laporan berunsur negatif seperti statistik pelajar Berhenti, Tangguh dan Gagal kepada pihak luar.

Makluman

4.3 KPP(KT) memaklumkan akan **membuat kajian berkaitan tempoh berhenti bagi pelajar yang tidak berminat.**

Tindakan: P(KT)

5.0 LAPORAN VERIFIKASI PEGAWAI NAZIRAN 1/2016

5.1 PP(KT) membentangkan Verifikasi Pegawai Naziran 1/2016 seperti di **Lampiran 3.**

Makluman

5.2 KPP(KT) memaklumkan penyeragaman portfolio perlu mengikut kesesuaian program. **BKKL institut perlu maklumkan kepada Pegawai Naziran mengenai kaedah susunan portfolio yang ditetapkan oleh ILJTM masing-masing semasa mesyuarat pembukaan sebelum proses verifikasi dijalankan.**

Tindakan:Semua P(ILJTM)

5.3 KPP(KT) memaklumkan **jadual lawatan verifikasi naziran akan diubah semula mengikut kesesuaian pemetaan silibus bagi setiap kursus** untuk mengelakkan keciciran pelajar untuk proses verifikasi di peringkat dalaman.

Tindakan: P(KT)

5.4 KPP(KT) mencadangkan agar **penambahbaikan pada sistem TMS dibuat bagi mengelakkan pelajar mengambil subjek melebihi kredit yang dibenarkan**.

Tindakan: P(KT)

5.5 Pengerusi mengingatkan **semua ILJTM agar memastikan penyelenggaraan mesin dan peralatan di institut dibuat segera bagi memastikan latihan berjalan lancar.**

Tindakan: Semua P(ILJTM)

6.0 PEMBENTANGAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN AKHIR SESI 1/2016 OLEH JAWATANKUASA KEPAKARAN

Jawatankuasa Kepakaran Tek. Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara (PPU):

6.1 Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi PPU Sesi 1/2016 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Teknologi PPU seperti di **Lampiran 4.**

Makluman

6.2 Mesyuarat dimaklumkan terdapat keperluan latihan yang perlu disediakan berdasarkan silibus baharu iaitu *rooftop*. Hanya ILP Kepala Batas dan ILP Miri sahaja yang telah menyediakan *rooftop* untuk latihan pelajar. Sehubungan itu, pengerusi **menyarankan agar setiap wilayah mempunyai *rooftop* sekurang-kurangnya satu untuk dikongsi bersama ILJTM berhampiran. Mesyuarat memutuskan agar ILJTM berikut menyediakan kemudahan tersebut:**

a) **Wilayah Utara – ILP Kepala Batas**
b) **Wilayah Timur – ILP Miri**
c) **Wilayah Pantai Timur – ADTEC Kemaman**
d) **Wilayah Tengah – ADTEC Shah Alam**
e) **Wilayah Selatan – ILP Mersing**

Tindakan: P(ILJTM) berkenaan

Jawatankuasa Kepakaran Automotif:

6.3 Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi Automotif Sesi 1/2016 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Teknologi Automotif seperti di **Lampiran 5.**

Makluman

6.4 P(ILP Mersing) memaklumkan terdapat masalah dalam perolehan bahan guna habis 2016 dan masalah tersebut baru sahaja selesai. Pengerusi menyarankan semua ILJTM agar **membuat perancangan perolehan bahan guna habis untuk tahun 2017 lebih awal.**

Tindakan: Semua P(ILJTM)

6.5 Pengerusi memaklumkan bahawa peruntukan OS 35000 telah habis dan sebarang pembelian aset perlu menggunakan akaun amanah. Pengerusi menyerahkan urusan pembelian aset seperti enjin mengikut kebijaksanaan Pengarah masing-masing.

Makluman

Jawatankuasa Kepakaran Kimpalan:

6.6 Laporan Keputusan Peperiksaan Akhir Teknologi Kimpalan Sesi 1/2016 dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Kimpalan seperti di **Lampiran 6.**

Makluman

6.7 Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Kimpalan memohon agar **prosedur tuntutan pembaharuan lesen CSWIP dimaklumkan untuk memudahkan pegawai-pegawai berkaitan membuat tuntutan.** Pengerusi maklumkan bahawa Ketua Pengarah JTM telah bersetuju dan kertas kerja permohonan tuntutan tersebut akan dibuat untuk mendapatkan kelulusan Perbendaharaan. **Semua prosedur tuntutan akan dimaklumkan kelak.**

Tindakan: P(KT)

6.8 Pengerusi Jawatankuasa Kepakaran Kimpalan memaklumkan kertas kerja berkaitan pemilikan WQT telah dibuat dan akan dimajukan kepada BKT untuk tindakan selanjutnya.

Makluman

Jawatankuasa Kepakaran Subjek Umum:

6.9 Laporan Keputusan Peperiksaan JEPT Sesi 1/2016 dibentangkan oleh urusetia Jawatankuasa Kepakaran Subjek Umum (Bahasa Inggeris) seperti di **Lampiran 7.**

Makluman

6.10 Urusetia Jawatankuasa Kepakaran Subjek Umum (Bahasa Inggeris) turut mencadangkan agar aktiviti *Public Speaking* oleh pelajar semasa perhimpunan pagi di bengkel masing-masing bagi meningkatkan keyakinan pelajar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.

Tindakan: P(ILJTM)

7.0 PEMBENTANGAN DAN PENGESAHAN KEPUTUSAN AKHIR PELAJAR DARIPADA PENGARAH-PENGARAH ILJTM

7.1 Pengarah membentangkan keputusan akhir pelajar keluaran Sesi 1/2016 kepada ahli mesyuarat untuk disahkan seperti di **Lampiran 8.**

Makluman

7.2 Mesyuarat ambil maklum **institut yang perlu membuat pembetulan pada dokumen persijilan adalah seperti berikut:**

a) ADTEC Bintulu - Borang Maklumat Persijilan
b) ADTEC Jerantut - Borang Maklumat Persijilan
c) ILP Pasir Gudang - Borang Maklumat Persijilan
d) ILP Labuan - Borang Maklumat Persijilan dan SPC.06
e) ILP Bukit Katil - SPC.06
f) ILP Kuantan - SPC.06
g) ILP Kota Bharu - SPC.05 dan SPC.06
h) ILP Kota Kinabalu - SPC.05 dan SPC.06
i) ILP Kepala Batas - SPC.06
j) ILP Nibong Tebal - SPC.06

Dokumen yang telah dibuat pindaan hendaklah dikemukan ke UPP ibu pejabat dalam tempoh dua minggu daripada tarikh mesyuarat.

Tindakan: P (ILJTM) berkenaan

8.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA CADANGAN BAYARAN SLIP KEPUTUSAN PELAJAR

8.1 KPP(KT) membentangkan Kertas Kerja Cadangan Bayaran Slip Keputusan Pelajar (SPC.04) seperti di **Lampiran 9**.

Makluman

8.2 Mesyuarat memutuskan untuk **menolak cadangan mengenakan caj bayaran slip keputusan pelajar berdasarkan data pelajar yang memohon cetakan semula slip keputusan adalah rendah**.

Makluman

8.3 Mesyuarat juga bersetuju dengan cadangan **aplikasi TMS ditambahbaik bagi membolehkan pelajar menyemak dan mencetak slip keputusan peperiksaan mereka sendiri.**

Tindakan : KPP(TM)

9.0 HAL-HAL LAIN

9.1 P(PK) memaklumkan **pihak CIAST telah membangunkan e-profiling pengajar yang mana terdapat 11 TNA yang sedia untuk digunakan. Setiap ILJTM diminta untuk melantik 2 orang *System Admin* bagi menguruskan hal-hal berkaitan e-profilling tersebut.**

Tindakan: P(PK) dan Semua P(ILJTM)

9.2 P(PK) menyarankan agar **cadangan perancangan latihan kakitangan untuk tahun 2017 dibuat pada bulan November 2016. Jawatankuasa Kepakaran setiap bidang perlu mencadangkan latihan yang diperlukan oleh pengajar mengikut keutamaan.**

Tindakan: Semua Pengerusi JK Kepakaran dan P(ILJTM)

9.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa **terdapat lebihan wang peruntukan *Double Shift* dan Pengerusi menyarankan agar kursus profesional dijalankan menggunakan peruntukan tersebut. Walau bagaimanapun, waran yang dikeluarkan adalah merupakan peruntukan makan bagi program Double Shift. Mesyuarat bersetuju agar pihak kewangan mengeluarkan waran baru yang lebih terbuka.**

Tindakan: P(KT)

9.4 P(PL) meminta pandangan mesyuarat untuk mencadangkan tarikh konvo bagi tahun 2017. **Mesyuarat memutuskan agar Majlis Konvokesyen ILJTM tahun 2017 diadakan pada pertengahan Mei 2017 di tiga lokasi iaitu PICC, Sabah dan Sarawak.**

Tindakan: P(PL)

9.5 Pengerusi mengingatkan **semua P(ILJTM) supaya memastikan semua rayuan pelajar samada rayuan disiplin mahupun rayuan akademik perlu diselesaikan dalam masa sebulan dari tarikh penyingkiran. Pengerusi juga menyarankan agar kes-kes yang kecil perlu diselesaikan di peringkat institut tanpa perlu melibatkan rayuan di peringkat jabatan.**

Tindakan: Semua P(ILJTM), P(KT) dan P(PL)

9.6 Pengerusi JK Kepakaran ICT memaklumkan terdapat cadangan untuk menjalinkan kerjasama MoU dengan pihak CISCO. Pengerusi menyarankan agar **kertas kerja cadangan dan skop perjanjian tersebut dihantar ke ibu pejabat dengan segera.**

Tindakan: P(ADTEC Melaka)

9.7 P(KT) memaklumkan bahawa **memo arahan penggubalan soalan peperiksaan akhir ILJTM sesi 2/2016 telah diedarkan. Semua P(ILJTM) dimohon untuk memantau kerja-kerja penggubalan supaya berjalan lancar dan dihantar ke UPP ibu pejabat mengikut tarikh yang ditetapkan.**

Tindakan: Semua P(ILJTM) berkenaan

10.0 PEMBENTANGAN TAKLIMAT OLEH WAKIL CIDB

10.1 Wakil CIDB membentangkan Taklimat Penguatkuasaan Akta 520 Pindaan 2011.

Makluman

10.2 Wakil CIDB memaklumkan mulai 1 Jun 2016, mana-mana pekerja mahir di tapak binaan perlu mendapat akreditasi oleh CIDB. Mana-mana pekerja yang gagal mendapat akreditasi akan dikenakan denda.

Makluman

10.3 **Perbincangan lanjut antara pihak JTM dengan CIDB perlu diadakan bagi membincangkan isu polisi** sekiranya JTM bercadang untuk menjadi pusat bertauliah bagi program CIDB.

Makluman

10.4 Pihak CIDB mencadangkan pihak JTM untuk membuat pemetaan 59 program yang melibatkan Akreditasi Personel Pembinaan dengan kursus yang ditawarkan di ILJTM.

Tindakan : P(KT)

11.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.30 tengahari. Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat.

Disediakan oleh:
Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan

Disemak oleh:
Puan Azlina binti Mohamad
KPP(KT)1

LAMPIRAN A

SENARAI KEHADIRAN

1. TN. SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI
   PENGERUSI MESYUARAT

2. TN. HJ NORMAN BIN KUSIN
   P (PK)

3. DR. AZMIR BIN MOHD YUNUS
   P (KT)

4. PN. SUZANA BINTI MOHAMMED ZOHDI
   P (PL)

5. CIK JUNITA BINTI MOHAMED ALI
   P (PP)

6. EN. ZAIHAN BIN SHUKRI
   P (JMTI)

7. EN. ZABIDIN BIN ABDUL SAMAD
   PENGARAH ADTEC MELAKA

8. EN. ZURAKA BIN YUSOF
   PENGARAH ADTEC SHAH ALAM

9. IR. HALIM AZHAR BIN MOHD YATIM
   PENGARAH ADTEC TAIPING

10. EN. MAT SETIA BIN MOHD RAJI
    PENGARAH ADTEC BINTULU

11. TN. HJ MANOJ BIN JUMIDALI
    PENGARAH ADTEC BATU PAHAT

12. EN. ABDUL HALIM BIN ABD RAHMAN
    PENGARAH ADTEC KEMAMAN

13. EN. AZMI BIN MAT
    TIMBALAN PENGARAH ADTEC JERANTUT

14. TN. SYED JOHAN BIN SYED ALI
    PENGARAH ADTEC KULIM

15. EN. KAMARUZAMAN BIN MAT ALI
    PENGARAH ILP KUALA LUMPUR

16. EN. JAMIL BIN YAHYA
    PENGARAH ILP IPOH

17. EN. MD AMINULLAH BIN JAFRI
    WAKIL PENGARAH ILP KOTA BHARU

18. EN. AZMAN BIN HJ IBRAHIM
    PENGARAH ILP AP NIBONG TEBAL

19. EN. SARMAN BIN HJ RAWAN
    PENGARAH ILP PASIR GUDANG

20. EN. ZAID BIN ZAHARI
    TIMBALAN PENGARAH ILP KUANTAN

21. EN. KAMARULZAMAN BIN CHU ABDUL RANI
    PENGARAH ILP KUALA LANGAT

22. EN. AHMAD ISKANDAR BIN SULAIMAN
    PENGARAH ILP JITRA

23. EN. AWANG YUSOF BIN AWANG DAMIT
    WAKIL PENGARAH ILP SANDAKAN

24. EN. ZULKIFLE BIN OMAR
    PENGARAH ILP MARANG

25. EN. ZAMZURI BIN HASSAN
    PENGARAH ILP KEPALA BATAS

26. EN. MOHD KHALID BIN ADNAN
    WAKIL PENGARAH ILP SELANDAR

27. PN. NORLIZA BINTI YAAKUB
    PENGARAH ILP PERAI

28. EN. SHAHRULL NIZAM BIN PERDAN
    PENGARAH ILP MERSING

29. EN. A. RAHMAD NGAH
    PENGARAH ILP BUKIT KATIL

30. DR ROSNAH BINTI MUHAMAD TAHIR
    PENGARAH ILP MIRI

31. PN. ZURINA BINTI MD AMIN
    PENGARAH KOTA SAMARAHAN

32. EN. NOOR ARIFFIN BIN MOHD ARIFF
    PENGARAH ILP PEDAS

33. EN. MUSTAL BIN MAKMUD
    PENGARAH ILP KOTA KINABALU

34. EN. MUHAMAD NASIR BIN SAMAT
    PENGARAH ILP KANGAR

35. EN. MOHAMMAD MUSA BIN AHMAD
    PENGARAH ILP TANGKAK

36. EN. ZULKIFLE BIN OMAR
    PENGARAH ILP MARANG

37. EN. ABDULLAH BIN MUHAMAD
    PENGARAH ILP LABUAN

38. PN. FAIZAH BINTI HARUN
    PENGARAH ILP KUALA TERENGGANU

URUS SETIA

1. EN. NORHASNI BIN DAKIE
   PP (KT)

2. PN. NORPISAH BINTI JUMIN
   PP (KT)

3. NURUL AZREEN BINTI AZIZ
   PP (KT)

4. PN. SUZANAWATI BINTI SOFIAN
   PPP (KT)

5. PN. FAZATUL NURDIHA BINTI MISLAN
   PPP (KT)

Disediakan oleh:
Bahagian Kawalan Teknikal
Jabatan Tenaga Manusia